

**UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MESYUARAT AGUNG PERMULAAN
KOPERASI MUAFAKAT MANTAN BERHAD**

**16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)
3:00 PETANG**

**DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM
ANGKASA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

**{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
MAJLIS}**

Datuk/Dato'/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Dihormati Sekalian

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini dalam

Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Muafakat Mantan Berhad.

2. Saya bagi pihak ANGKASA mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini terutamanya kepada SKM yang terus

memberi sokongan dalam pembangunan gerakan koperasi di negara ini. Terima kasih juga kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat agung permulaan ini.

3. Tahniah dan syabas juga atas penubuhan Koperasi Muafakat

Mantan Berhad yang bakal direalisasikan dalam masa terdekat.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Koperasi adalah wadah kepada aktiviti ekonomi dari segi falsafah, matlamat dan tujuan serta

hubungannya dengan masyarakat. Koperasi bergerak atas sokongan anggotanya kerana ia dimiliki dan dikawal secara demokrasi oleh anggota.

5. Masa depan koperasi bergantung kepada sejauh mana keberkesanan anggota memainkan peranan masing-masing. Maju mundur sesebuah

koperasi adalah kerana sumbangan dan penyertaan anggotanya dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

6. Justeru, pengurusan dan pentadbiran koperasi haruslah dikendalikan oleh Lembaga yang dilantik oleh anggota koperasi dalam Mesyuarat Agung. Untuk itu, Lembaga

koperasi hendaklah bertanggungjawab melaksanakan segala dasar yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.

7. Koperasi perlu mempunyai kepimpinan yang jujur, dinamik dan progresif dan mampu membawa koperasi ke tahap lebih moden.

Pemimpin-pemimpin perlu mengamalkan kaedah terbaik (*best practices*) dalam setiap aspek koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. ANGKASA adalah badan puncak gerakan koperasi yang diiktiraf kerajaan bagi menaungi semua koperasi di Malaysia. ANGKASA sentiasa komited untuk membantu koperasi menjalankan aktiviti dan perkhidmatan yang dapat memberi pulangan sosioekonomi yang bermanfaat untuk anggota khususnya

dan koperasi lainnya. ANGKASA juga berperanan menyatukan dan mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa.

9. ANGKASA akan membantu koperasi untuk merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi agar koperasi mampu dan bersedia

untuk melibatkan diri dalam perniagaan yang berimpak tinggi.

10. Selari dengan arus perubahan semasa negara, gerakan koperasi perlu bergerak aktif agar seiring dengan perubahan ekosistem perniagaan. Koperasi perlu menjadi juara dalam aktiviti/perniagaan yang

dijalankan supaya prinsip prihatin terhadap masyarakat berjaya diadaptasi.

11. ANGKASA juga mengambil langkah lebih proaktif dengan menggembleng tenaga dan usaha dalam menggalakkan koperasi ahli ANGKASA membuat transformasi

perniagaan secara fizikal kepada perniagaan secara digital (*digital business*). Ia bagi memastikan perniagaan koperasi lebih relevan dan lestari.

12. Koperasi perlu bergerak proaktif membantu kerajaan dalam menangani isu-isu semasa yang

melingkari kehidupan rakyat meliputi isu kos sara hidup, keperluan bekalan makanan, manipulasi harga barangan terutama barangan keperluan harian/barangan asas oleh pihak ketiga/orang tengah dan lain-lain isu semasa.

13. Statistik interim SKM sehingga Jun 2022 menunjukkan **bilangan koperasi di seluruh negara** adalah sebanyak **14,975 buah** dengan **keanggotaan melebihi tujuh juta orang**. Manakala modal syer pula berjumlah **RM16,520.49 juta** dan aset sebanyak

RM156,181.16 juta yang menjana perolehan sehingga **RM22,363.36 juta**.

14. Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat untuk semua. Semoga mesyuarat agung permulaan koperasi ini membantu anggota membuat perancangan yang dapat

menentukan hala tuju masa depan
dan menggerakkan koperasi
menggerakkan ke arah yang lebih
produktif dan berdaya saing.

Dengan lafaz
Bismillahirrahmaanirrahim, saya
dengan ini merasmikan Mesyuarat

Agung Permulaan Koperasi Muafakat
Mantan Berhad.

Sekian, terima kasih.